

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 14 Jun 2020 3:44 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PKPP: Apa Kata Petugas Kesihatan?



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 JUN 2020 / 22 SYAWAL 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nurul Sahadar Che Nuh (Pelajar Pelatih dari SMMTC)
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PKPP: APA KATA PETUGAS KESIHATAN?



UUM ONLINE: Setelah lebih 80 hari mengharungi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), warga kampus berjaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan dalam usaha memerangi penularan wabak Covid-19.

Kini, memasuki fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula 10 Jun sehingga 31 Ogos, sejauh mana kita akan terus mengamalkan normal baharu dalam kehidupan?

Pengarah Pusat Kesihatan Universiti, Dr. Adi Azhar Abdul Razak berkata, walaupun seluruh rakyat Malaysia khususnya warga kampus UUM telah melalui kesemua fasa arahan serta masih patuh pada SOP, namun ia tidak membuktikan kemenangan kerana Covid-19 masih belum hilang sepenuhnya.

"Saya sarankan agar kita terus amalkan 3C (crowded places, confined spaces, close conversation) bagi mengelak gejala yang berisiko tinggi.

"Pakai pelitup muka, jaga jarak 1 meter dan kerap membasuh tangan dengan air serta sabun atau cecair basmi kuman ketika keluar rumah dan menyentuh sesuatu," katanya.

Dr. Adi Azhar berkata, beliau berharap semua warga kampus dapat melihat PKPP itu sebagai satu tempoh masa norma baharu yang mungkin akan berpanjangan.

Menurutnya, ia juga mungkin akan mengubah kehidupan dalam pelbagai aspek seperti pendidikan, perniagaan dan lain-lain lagi, justeru jadikan ia sebagai peluang untuk bergerak ke arah lebih baik dan bukan sebagai halangan.

Bagi Pegawai Perubatan, Dr. Rabi'ah Abdul Ghani pula, rakyat negara ini dan juga warga kampus jangan berasa terlalu selesa dengan angka statistik Covid-19 yang semakin menurun.

Katanya, selagi tidak menemui vaksin, setiap individu tanpa mengira umur masih lagi berdepan dengan risiko untuk mendapat jangkitan wabak tersebut.

"Walaupun kita sudah mula kembali ke rutin biasa, namun kita perlu mengambil langkah-langkah pencegahan dan menyesuaikan diri dengan norma baharu kehidupan.

"Tanggungjawab untuk mengawal pandemik terletak kepada setiap individu. Ingat..Kita Jaga Kita! Jangan sesekali alpa kerana kealpaan ini yang akan mengundang gelombang kedua," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pergigian, Dr. Firdaus Romli berkata, sepanjang pelaksanaan PKP dan PKPB lalu, rawatan pergigian hanya dilakukan untuk kes kecemasan sahaja.

Menurutnya, memasuki PKPP ini, kelonggaran diberikan untuk merawat pesakit yang memerlukan rawatan seperti tampalan gigi tetapi masih berpandukan SOP yang ditetapkan.

"Terdapat prosedur yang perlu diikuti dalam membuat rawatan pergigian iaitu mana-mana warga kampus yang perlukan rawatan pergigian harus mendapatkan temu janji dahulu untuk pastikan jarak sosial masih diikuti dan dipatuhi walaupun sudah PKPP.

"Saya ucapkan syabas untuk rakyat Malaysia khususnya warga UUM yang berjaya sampai ke tahap ini. Saya yakin kita mampu mencegah Covid-19 daripada merebak lagi," katanya.

Penolong Pegawai Perubatan di Unit Kecemasan, Nadia Zainuri berharap warga kampus akan terus patuh pada SOP dikeluarkan kerajaan walaupun sudah berada di fasa PKPP.

Katanya, di Unit Kecemasan juga sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga seperti memeriksa suhu badan, pemakaian pelitup muka dan hanya pesakit sahaja berada di dalam bilik rawatan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.